

05 MAR 2000

Umno-calon (Rangkuman)

15 UMNO BAHAGIAN CALON DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Semua 15 bahagian Umno yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Bahagian-bahagian itu ialah Ledang, Senai, Tenggara, Sungai Benut dan Segamat (Johor), Papar, Penampang, Sipatong dan Bandau (Sabah), Batu Gajah dan Gerik (Perak), Jelutong dan Tasik Gelugor (Pulau Pinang), Cheras (Wilayah Persekutuan) dan Batu Berendam di Melaka.

Keputusan itu menunjukkan bahagian-bahagian itu akur kepada nasihat Majlis Tertinggi supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan dan Dr Mahathir kekal di jawatan presiden sementara Abdullah mengambil alih jawatan Timbalan Presiden.

Bahagian-bahagian itu juga turut membuat tiga pencalonan bagi jawatan naib presiden dan penyandang Datuk Seri Najib Razak adalah satu-satunya nama yang dicalonkan oleh semua bahagian itu.

Selain Najib, bahagian-bahagian itu turut mencalonkan Menteri-menteri besar dan menteri-menteri untuk jawatan naib presiden.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman mendapat 12 pencalonan, Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam enam pencalonan, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Samad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Abdul Hamid Albar masing-masing mendapat tiga pencalonan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim menerima dua pencalonan manakala Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mendapat satu pencalonan.

Umno Tawau, iaitu bahagian pertama yang mengadakan mesyuarat minggu lepas, mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah bagi jawatan presiden dan timbalan presiden manakala bagi jawatan naib ialah Najib dan Isa.

Daripada 15 bahagian itu, hanya Umno bahagian Cheras yang mencalonkan tiga menteri untuk jawatan naib presiden iaitu Najib, Syed Hamid dan Rais.

Bahagian Jelutong, Penampang dan Sungai Benut adalah bahagian-bahagian yang mencalonkan dua menteri dan seorang menteri besar atau ketua menteri bagi jawatan berkenaan.

Bahagian-bahagian lain mencalonkan sekurang-kurangnya seorang menteri dan dua menteri besar atau seorang ketua menteri bagi jawatan naib presiden manakala Gerik adalah satu-satunya bahagian yang menamakan seorang calon yang bukan memegang jawatan kerajaan iaitu Tengku Razaleigh berserta Najib dan Abdul Ghani.

Semua lima bahagian Umno di Johor menamakan Abdul Ghani, selaku menteri besar negeri itu, sebagai calon dan Sabah, menerusi semua empat bahagiannya, mencalonkan ketua menteri mereka, Osu.

Kesemua 15 bahagian itu turut menamakan calon bagi mengisis 25 jawatan Majlis Tertinggi parti.

Bahagian-bahagian itu mencalonkan menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan pemimpin di peringkat negeri masing-masing bagi jawatan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil adalah satu-satunya calon wanita yang mendapat 11 pencalonan bagi jawatan itu manakala Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat satu pencalonan dari Bahagian Penampang, Sabah.

Ketua Menteri Melaka Datuk Mohd Ali Rustam memperolehi 14 pencalonan kecuali Bandau, kerana senarai calon jawatan itu tidak diperolehi.

Turut dicalonkan bagi jawatan itu ialah bekas menteri besar Selangor yang juga penyandang naib presiden Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, bekas menteri besar Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan bekas menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz terus menerima pencalonan yang banyak untuk jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno.

Lima daripada enam pergerakan wanita yang mengadakan mesyuarat perwakilan mereka hari ini iaitu Rasah, Gerik, Tapah, Sik dan Batu Berendam mencalonkan beliau untuk jawatan itu pada pemilihan pergerakan itu Mei ini.

Penyandang Ketua Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang juga Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, hari ini menerima pencalonan dari Bahagian Batu Gajah untuk mengekalkan jawatan itu.

Setakat ini, jumlah pencalonan yang diperolehi Rafidah ialah 15 berbanding Siti Zaharah lapan.

Timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil pula menerima pencalonan Gerik, Tapah, Sik dan Batu Berendam hari ini bagi merebut jawatan naib ketua pergerakan, penyandanganya Datuk Napsiah Omar dicalonkan oleh Bahagian Rasah manakala Ketua Wanita Perak, Aion Khariyah Abas, dicalonkan Bahagian Batu Gajah.

Setakat ini, jumlah pencalonan yang diterima Shahrizat ialah 15 sementara Aion Khariyah lima dan Napsiah tiga pencalonan.

Bagi Pegerakan Pemuda, lima bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini iaitu Rasah, Tapah, Pendang, Sik dan Batu Berendam mencalonkan Menteri Belia dan Sukan yang juga pemangku ketua pergerakan Datuk Hishammuddin Hussein sebagai ketua.

Rasah, Pendang, Sik dan Batu Berendam mencalonkan anggota exco pergerakan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir sebagai naib ketua manakala Tapah mencalonkan Zein Isma Ismail.

--BERNAMA

ARA NAK